

SIARAN MEDIA

PAKEJ RANGSANGAN SELANGOR PRIHATIN(FASA KEDUA): MURID DI SELANGOR BOLEH BELAJAR SECARA 'E-LEARNING' DI LAMAN SESAWANG SELANGORTUTOR.COM SEPANJANG PKP

Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dalam soal pendidikan rakyatnya. Pendidikan merupakan aspek penting dalam pembangunan modal insan di negeri Selangor yang sedang dipacu menuju Selangor Negeri Pintar 2025. Justeru, dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) yang berkuatkuasa sehingga 14 April ini untuk mengekang wabak Covid-19, Kerajaan Negeri Selangor tidak mahu murid-murid di Selangor leka dan ketinggalan. Untuk itu, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju mengeluarkan peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dengan menawarkan program pembelajaran PERCUMA secara 'e-learning' melalui laman sesawang Selangor Tutor.

Program 'e-learning' secara percuma ini boleh diakses oleh semua murid sekolah di Selangor yang menawarkan pembelajaran bagi murid Tahun 1 sehingga Tingkatan 5. Program ini digunakan sebagai salah satu kaedah untuk memastikan momentum pengajaran dan pembelajaran(PdP) murid terus kekal sepanjang tempoh PKP dan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan.

Tempoh program pembelajaran secara 'e-learning' ini akan diaktifkan mulai 3 April 2020 sehingga 31 Mei 2020. Murid-murid di Selangor boleh mendaftar dan terus menggunakan aplikasi ini melalui laman sesawang selangortutor.com. Aplikasi ini boleh diakses dengan mudah menggunakan pelbagai peranti seperti komputer `desktop`, atau `notebook`, `tablet`, dan `smartphone`. Lebih daripada 130,000 soalan latihan tubi telah tersedia di dalam aplikasi ini dan ianya mengikut 'standard' kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada murid, ibubapa juga boleh mengakses program ini untuk memantau perkembangan pembelajaran anak-anak dari semasa ke semasa.

Inisiatif ini merupakan salah satu Pakej Rangsangan Selangor Prihatin (Fasa Kedua) yang dilancarkan Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) – MBI Selangor dan juga Yayasan Selangor sebagai agensi penyelaras program pada 1 April 2020.

Sehubungan itu, semua murid dan ibubapa di Selangor diseru untuk memanfaatkan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini dengan mengakses selangortutor.com.

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
Merangkap Pengerusi
MBI Selangor dan Yayasan Selangor
2 April 2020

Yayasan Selangor telah ditubuhkan pada 5 November 1970 di bawah Akta Syarikat 1965. Objektif penubuhannya adalah untuk memberi bantuan dan galakan dalam bidang pendidikan kepada semua rakyat Malaysia khususnya di negeri Selangor yang kurang kemampuan tetapi berpotensi. Sehingga kini, Yayasan Selangor terus konsisten mengekalkan tradisinya membangunkan sumber manusia di negeri Selangor melalui program-program pendidikan anjurannya selaras dengan visinya untuk "menyediakan prasarana pendidikan yang efektif dalam membentuk generasi insan kamil".

Maklumat lanjut mengenai Yayasan Selangor boleh diperolehi di www.yayanselangor.org.my

Untuk maklumat lanjut berkenaan siaran media ini, sila hubungi Bahagian Komunikasi Yayasan Selangor di talian 03-76691 118 / 210 / 117, email: kke@yselangor.com